

## Siasat komplot rebut tender bekal alat UPS

Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menyerahkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat komplot di antara syarikat pembida dengan mewujudkan kartel bagi merebut tender membekalkan peralatan Sistem Pengurusan Bekalan Kuasa (UPS).

ASWARA berkata, pihaknya mengambil inisiatif untuk melapor kepada MyCC selepas mengesan elemen meragukan dalam proses perolehan pembekalan peralatan UPS yang ditawarkan akademi pada tahun 2017.

"Menjawab isu terbitan *Berita Harian (BH)* bertarikh 25 Ogos 2019, ASWARA menjelaskan MyCC pernah menyiasat perolehan oleh pembekal yang bernilai RM 467,727 sekitar tahun 2017-2018 melalui aduan ASWARA.

"ASWARA menegaskan kami tidak terabit (dalam komplot perolehan tender) dan (sebaliknya) mengambil inisiatif memaklumkan kepada MyCC bagi membantu siasatan dan mengambil tindakan selanjutnya.

"ASWARA amat mementingkan ketelusan dan tidak akan berkompromi dalam melaksanakan proses perolehan," katanya dalam kenyataan semalam.

*BH Ahad* mendedahkan sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit, dalam siasatan MyCC kerana syarikat kontraktor yang memenangi tender itu, disyaki berkomplot dalam bidaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai takrif kontraktor dan pembekal, yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak itu menjadi lebih tinggi.